

22/03/2002

4As derma RM35,000 kepada tabung paediatik yayasan Aids

KUALA LUMPUR, Khamis - Persatuan Ejen-ejen Pengiklanan Bertauliah Malaysia (4As) Malaysia menderma RM35,000 kepada Tabung Paediatik Yayasan Aids Malaysia.

Sumbangan disampaikan Presiden 4As, Khoo Boo Boon kepada Pengerusi Yayasan Aids, Datin Paduka Marina Mahathir dalam majlis ringkas di Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC), di sini hari ini.

Ia adalah sumbangan pertama 4As4Kids Charity Fund yang ditubuhkan persatuan itu tahun lalu untuk memberi sumbangan kepada kanak-kanak di Malaysia.

Khoo berkata, sumbangan 4As4Kids adalah usaha persatuan menyumbang kepada pertubuhan kebajikan kanak-kanak di negara ini bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik.

"Antaranya ialah Anugerah Kancil dan Persidangan OUTSIDEtheBOX dengan kutipan yang diperolehi didermakan kepada pertubuhan kebajikan kanak-kanak.

"Pada masa sama, kami berharap dapat meningkatkan pencapaian sebagai kumpulan korporat yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat," katanya.

Tabung Paediatik Yayasan Aids yang dikelolakan Yayasan Aids Malaysia ditubuhkan untuk membantu kanak-kanak yang menghidap HIV atau Aids dari segi kewangan.

Ia juga membantu ibu bapa kanak-kanak menghidap Aids atau mati disebabkan penyakit berkenaan.

Sementara itu, Marina berkata, sehingga Januari lalu, tabung itu sudah membantu kira-kira 191 kanak-kanak seluruh negara.

"Dengan bertambahnya jumlah pesakit Aids dari golongan dewasa, jumlah pesakit kanak-kanak juga bertambah.

"Oleh itu, diharapkan lebih banyak kumpulan korporat memberikan sumbangan membantu kanak-kanak ini.

"Ini adalah masalah berterusan bukan hanya di Malaysia, malah di seluruh dunia. Jumlah kanak-kanak yang menghidap Aids semakin bertambah dan kami memerlukan kira-kira RM14,000 setiap bulan bagi tujuan rawatan," katanya.

(END)